

PRODUK TEMBAKAU **NAMUN** halal daripada segi undang-undang, cukai hasil pendapatan negara, mudarat kepada kesihatan dan haram dari sudut agama Islam.

Produk tembakau yang dibayar cukai boleh diniagakan dalam negara. Namun produk tembakau tidak sah taraf (diseludup) juga berleluasa di merata tempat. Sama ada di kampung, pinggir bandar mahupun dalam bandar.




JOM! BIJAK BUAT KEPUTUSAN

 Prevalens merokok di Malaysia masih **TINGGI** 

 **>10,000 PEROKOK** terpaksa berhenti merokok kerana menemui ajal

10% BERJAYA  berhenti merokok

 **60%** penduduk Malaysia yang tidak merokok terdedah kepada bahaya asap rokok. Golongan ini terdiri daripada kanak-kanak dan kaum wanita dan mereka dikenal pasti sebagai perokok pasif.

MEROKOK MENJEJASKAN KUALITI KEHIDUPAN



Nafas dan badan berbau busuk



Gigi berkarat



Kecerdasan dan stamina menurun



Fungsi paru-paru menurun



Risiko jangkitan saluran pernafasan meningkat



Perokok wanita 2-3 kali lebih berkemungkinan tidak subur



Mati pucuk dalam kalangan perokok lelaki

PILIH TIDAK MULA MEROKOK



Budayakan dalam keluarga tiada amalan merokok dibenarkan dalam rumah, dalam kenderaan, di majlis keraian, kedai makan dan tempat berkumpul keluarga



Terapkan dalam diri anak-anak bahawa merokok amalan yang buruk, dibenci oleh agama, tidak disukai oleh keluarga, berdosa dan merugikan.



Ibu bapa dan ahli keluarga menjadi *role model* kepada anak-anak dengan amalan cara hidup sihat.